



NADMA MALAYSIA

GARIS PANDUAN **PROSES KEMASUKAN DAN KUARANTIN** **PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS)** **YANG TIBA DARI LUAR NEGARA** **BERMULA 24 JULAI 2020**

1. LATAR BELAKANG

Selaras dengan hasrat serta usaha Kerajaan Malaysia dalam mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia, Kerajaan Malaysia telah memutuskan bahawa mulai 24 Julai 2020, semua individu yang baru pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia, akan dikenakan perintah kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, berdasarkan kepada peruntukan di bawah subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

Selanjutnya daripada ketetapan di atas, Kerajaan Malaysia juga telah memutuskan bahawa semua individu yang baru pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia melalui semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Individu yang dikenakan perintah kuarantin dan memegang "Surat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) di bawah Seksyen 15(1) Akta 342" dirujuk sebagai *Person Under Surveillance* ("PUS").

2. STESEN KUARANTIN

Stesen Kuarantin merupakan tempat pengasingan dan pemerhatian kesihatan yang telah diwartakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], termasuk hotel-hotel atau mana-mana premis lain yang ditentukan oleh Kerajaan.

3. TEMPOH KUARANTIN

Tempoh Kuarantin adalah empat belas (14) hari atau apa-apa jumlah hari penginapan PUS yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

4. KADAR KOS KUARANTIN

Kadar kos kuarantin adalah seperti berikut;

- 4.1 Warganegara: Dalam Kadar Seratus Peratus (100%) daripada kadar harga siling Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150) sehari seorang berdasarkan kepada tempoh kuarantin di Premis Hotel sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.**

- 4.2 Bukan Warganegara (termasuk tanggungan kepada warganegara):** Dalam kadar Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150) sehari seorang berdasarkan kepada tempoh kuarantin di Premis Hotel sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 4.3 Pemegang kad Orang Kelainan Upaya (OKU) Jabatan Kebajikan Masyarakat:** Kos Kurantin akan ditanggung oleh Kerajaan.

5. KAEDAH BAYARAN

- 5.1** PUS perlu membayar sejumlah deposit / pembayaran penuh kepada pihak Pengusaha / Pemilik / Pihak Hotel sewaktu proses daftar masuk. Penggunaan kad kredit adalah digalakkan.
- 5.2** Bagi tujuan pembayaran sebenar atau sekiranya terdapat pemulangan baki akan dilaksanakan sewaktu proses daftar keluar.

6. PROSES KUARANTIN

6.1 Sebelum Ketibaan

Semua PUS yang akan memasuki Malaysia bermula 24 Julai 2020 perlu;-

a. Menandatangani Surat Aku Janji dan Indemniti / *Letter of Undertaking and Indemnity* (“LoU”)

Semua individu yang mahu pulang ke Malaysia perlu memuat turun dan melengkapkan LoU melalui pautan seperti berikut:

- (i) Kementerian Luar Negeri : www.kln.gov.my
- (ii) Agensi Pengurusan Bencana Negara : www.nadma.gov.my
- (iii) Jabatan Imigresen Malaysia : www.imi.gov.my
- (iv) Kementerian Kesihatan Malaysia : www.moh.gov.my
- (v) Kementerian Pengangkutan Malaysia : www.mot.gov.my
- (vi) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya : www.motac.gov.my

b. Mendapatkan Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan

Pematuhan terhadap syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia atau Agensi-Agensi Kerajaan adalah terpakai. Setiap pemohon perlu menghantar dokumen berkaitan bersama-sama LoU lengkap melalui e-mel Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan **selewat-lewatnya tiga hari sebelum tarikh berlepas**. Alamat e-mel Perwakilan Malaysia di luar negara boleh didapati di <https://www.kln.gov.my/web/guest/malaysian-mission>.

Tertakluk kepada kelulusan, Perwakilan Malaysia akan mengeluarkan Notis Perjalanan ke Malaysia (serahan melalui e-mel).

c. Mengemukakan Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia kepada Syarikat Penerbangan, Syarikat Pengangkutan Awam lain dan Jabatan Imigresen Malaysia

Notis Perjalanan daripada Perwakilan Malaysia perlu dikemukakan semasa proses pendaftaran masuk penerbangan/ pengangkutan awam yang lain. Bagi penumpang bukan warganegara Malaysia, kegagalan untuk mengemukakan Notis Perjalanan ini boleh menyebabkan individu tersebut tidak diberi kebenaran untuk menaiki pesawat, atau pengangkutan awam yang lain. Bagi kemasukan melalui jalan darat pula, kegagalan untuk mengemukakan dokumen tersebut akan menyukarkan proses kemasukan individu tersebut ke Malaysia.

Walau apapun yang dinyatakan di perenggan 6.1 (a) (b) dan (c) di atas, bagi penumpang warganegara Malaysia, kegagalan untuk mengemukakan Notis Perjalanan tidak boleh menyebabkan warganegara tersebut dinafikan hak menaiki pesawat, atau pengangkutan persendirian/ awam yang lain. Kegagalan untuk mengemukakan dokumen tersebut akan hanya menyukarkan proses kemasukan warganegara tersebut ke Malaysia dan juga melambatkan proses kuarantin. Warganegara tersebut masih tertakluk kepada apa-apa peraturan atau arahan perundangan semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil setibanya warganegara tersebut di Malaysia.

d. Muat turun, aktifkan dan daftar aplikasi MySejahtera

Aplikasi MySejahtera boleh dimuat turun dari *Apple Appstore*, *Google Playstore* dan *Huawei App Gallery*.

Maklumat penting seperti butiran perjalanan (masa dan tarikh, informasi penerbangan) dan deklarasi kesihatan perlu didaftarkan sehari sebelum perjalanan.

e. Ujian COVID-19 sebelum berlepas ke Malaysia

Penumpang/pengembara ke Malaysia tidak diwajibkan untuk membuat ujian pengesanan COVID-19 sebelum tiba di Malaysia.

Namun, penumpang/pengembara perlu menyemak dengan pengendali penerbangan (*airlines*) berkenaan keperluan untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum dibenarkan menaiki pesawat.

6.2 Ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa

Tatacara ketibaan PUS di Pintu Masuk Antarabangsa adalah seperti berikut:-

a. Pemeriksaan dan Tapisan Kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa Negara oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- (i) Saringan kesihatan akan dijalankan dan mana-mana PUS yang menunjukkan simptom COVID-19 akan dirujuk ke hospital bagi rawatan lanjut;
- (ii) Proses ujian saringan COVID-19 akan dijalankan di balai ketibaan, PMA;

- (iii) PUS dikehendaki untuk membayar kos ujian saringan COVID-19 di PMA. Kadar bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut:

FI BAGI UJIAN PENGESANAN COVID-19		
(1) Jenis Ujian Pengesanan COVID-19	(2) Warganegara (RM)	(3) Orang Asing (RM)
Tindak balas berantai polimerase	150	250
Kit ujian pantas antigen	60	120
Kit ujian pantas antibodi	30	60

- (iv) *Health Assessment Tool* (HAT) akan dibekalkan untuk tujuan pemantauan sendiri PUS sepanjang tempoh kuarantin.

b. Pendaftaran Ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa

- (i) Pendaftaran PUS akan dibuat di semua Pintu Masuk Antarabangsa dan diselaraskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Sekretariat pendaftaran akan menyelaraskan penerimaan PUS dan pengurusan logistik di KLIA1, KLIA2 atau pintu-pintu masuk udara, laut dan darat di seluruh Malaysia;
- (ii) PUS perlu mempamerkan LoU kepada petugas;
- (iii) Sekretariat di Pintu Masuk Antarabangsa akan mengaturkan keperluan logistik PUS ke Stesen Kuarantin yang ditetapkan; dan
- (iv) PUS **tidak dibenarkan** untuk memilih Stesen Kuarantin.

c. Penerimaan Imigresen, Kastam dan urusan logistik ke Hotel (NADMA/APM/Jabatan Imigresen/Jabatan Kastam)

- (i) PUS akan menjalani proses ketibaan masuk seperti biasa melalui pemeriksaan dan pengesahan Pegawai Imigresen dan Kastam;
- (ii) Seterusnya, Kerajaan akan menguruskan pengangkutan ke Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan;
- (iii) Bagi PUS bukan warganegara yang gagal mengemukakan LoU sewaktu ketibaan, pihak Imigresen berhak untuk mengenakan perintah *Not-To-Land* (NTL) kepada PUS tersebut; dan

- (iv) Bagi Kemasukan dengan kenderaan Persendirian:
- Bagi PUS yang membawa kenderaan sendiri, PUS perlu membawa kenderaan terbabit ke pusat kuarantin dalam kumpulan kenderaan pihak berkuasa yang membawa PUS yang lain. TIDAK dibenarkan bergerak sendiri ke pusat kuarantin.
 - PUS WAJIB menyerahkan kunci kenderaan kepada kaunter pendaftaran pusat kuarantin dan hanya dibenarkan untuk mengambil semula kunci tersebut setelah tamat tempoh kuarantin.
 - Pihak Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau keselamatan kenderaan PUS sepanjang tempoh kuarantin.

6.3 Pengurusan PUS di Stesen Kuarantin

PUS akan menjalani proses seperti berikut:-

a. Pendaftaran Masuk

- (i) Pendaftaran masuk PUS di Stesen Kuarantin akan melalui proses pendaftaran biasa yang diamalkan oleh pihak pengurusan Hotel dengan seliaan petugas Stesen Kuarantin yang diselaraskan oleh Angkatan Pertahanan Awam (APM);
- (ii) PUS perlu menyerahkan salinan asal LoU kepada petugas Stesen Kuarantin;
- (iii) Deposit atau/ dan pembayaran penuh akan diambil oleh pihak pengurusan hotel sebelum PUS dibenarkan untuk mendaftar masuk ke bilik hotel; dan

PUS yang gagal mematuhi mana-mana arahan di perenggan 6 (a), (b) dan (c) berkemungkinan akan menyebabkan PUS tersebut dikenakan tindakan perundangan di bawah Akta 342 dan/ atau mana-mana Akta lain dengan tindakan oleh **Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atau mana-mana agensi penguatkuasaan lain yang diberi kuasa.**

b. Semasa Kuarantin

- (i) PUS akan menjalani tempoh kuarantin sepanjang 14 hari atau apa-apa jumlah hari penginapan PUS yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ;
- (ii) Petugas daripada agensi-agensi Kerajaan ditempatkan di semua Stesen Kuarantin bagi membantu pengurusan pengoperasian stesen kuarantin, kebajikan, keselamatan dan pemeriksaan kesihatan sepanjang tempoh Kuarantin;
- (iii) Secara dasarnya, suami, isteri dan ahli keluarga dibenarkan untuk berkongsi bilik tertakluk kepada kebenaran Petugas Kesihatan KKM;
- (iv) Penyediaan makan minum akan disediakan oleh pihak Stesen Kuarantin dengan kekerapan tiga kali sehari (sarapan, makan tengahari dan makan malam);
- (v) Pencucian pakaian peribadi hendaklah dilakukan sendiri oleh PUS;
- (vi) PUS bertanggungjawab ke atas bagasi dan semua barangan peribadi sendiri;

- (vii) PUS hendaklah melakukan penilaian kesihatan sendiri pada setiap hari di bilik masing-masing, dan melaporkan kepada Petugas Stesen Kuarantin sekiranya mula mengalami gejala COVID-19 dengan mekanisme yang telah ditetapkan oleh KKM;
- (viii) PUS akan dimaklumkan kaedah perhubungan dengan Petugas Kerajaan dan anggota di Stesen Kuarantin menerusi telefon/ sms/ *whatsapp*/ telegram;
- (ix) PUS juga perlu mematuhi segala SOP dan nasihat daripada Petugas Stesen Kuarantin. Antara larangan di kuarantin adalah seperti berikut:
 - o Tidak dibenarkan keluar dari bilik penginapan;
 - o Tidak dibenarkan merokok;
 - o Tidak dibenarkan berkumpul;
 - o Khidmat penghantaran makanan dari luar seperti *Grabfood*, *Food Panda* dan lain-lain adalah tidak dibenarkan; atau
 - o Penerimaan pelawat.
- (x) Sekiranya terdapat PUS yang didapati positif melalui keputusan ujian COVID-19, PUS tersebut (selepas ini dikenali sebagai *Patient Under Investigation* ("PUI")) akan dipindahkan ke hospital berdekatan bagi menjalani rawatan COVID-19. Semua barangan milik PUI di Premis Hotel perlu dibawa bersama-sama ke hospital dan kos kuarantin yang dikenakan adalah sehingga tarikh daftar keluar PUI tersebut dari Premis Hotel. Sekiranya terdapat sebarang pembayaran atau pemulangan deposit bagi kos kuarantin tersebut akan dilaksanakan oleh pihak pengurusan Premis Hotel.

c. Proses Daftar Keluar

- (i) Proses daftar keluar PUS daripada Stesen Kuarantin adalah mengikut peraturan penjagaan kesihatan dan langkah-langkah keselamatan yang diarahkan oleh KKM dari semasa ke semasa;
- (ii) PUS akan diberikan *release order* (Annex 17 KKM) setelah tamat tempoh kuarantin oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (iii) PUS hendaklah menjelaskan sebarang bayaran tertunggak sebelum proses daftar keluar dari Premis Hotel. Kegagalan PUS untuk membuat pembayaran bagi kos kuarantin, berkemungkinan akan menyebabkan tindakan undang-undang diambil ke atas PUS tersebut; dan
- (iv) Pergerakan PUS meninggalkan stesen kuarantin untuk pulang ke rumah:
 - o Waris/ wakil dibenarkan untuk mengambil PUS di Stesen Kuarantin; atau
 - o PUS dibenarkan mengatur pengangkutan awam sendiri (taksi, *e-hailing*) untuk pulang ke rumah.

7. PENGECUALIAN KUARANTIN

Semua individu yang masuk ke Malaysia adalah tertakluk kepada Arahan Kuarantin yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Sebarang permohonan pengecualian kuarantin hendaklah mendapat kebenaran dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

8. PEMAKAIAN

Pemakaian tatacara ini berkuat kuasa daripada 24 Julai 2020 sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan oleh Kerajaan Malaysia.

Peraturan 5: Penepian Fi bagi Ujian Pengesanan COVID-19



MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

**PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT
BERJANGKIT (FI BAGI UJIAN
PENGESANAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) 2020
[P.U.(A) 190/2020]**

PERATURAN 5

PENEPIAN FI OLEH MENTERI KESIHATAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Peraturan 5 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus (COVID-19)) 2020 [P.U.(A) 190/2020], maka saya Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Kesihatan, dengan ini memberikan penepian keseluruhan fi kepada—

- (a) pegawai Kerajaan yang memasuki Malaysia dari luar negara atas tugas rasmi di luar negara dan hendaklah mengemukakan surat arahan rasmi berhubung perkara tersebut sebagai bukti;
- (b) orang kurang upaya (OKU) warganegara Malaysia yang memasuki Malaysia dari luar negara dan hendaklah mengemukakan Kad OKU yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- (c) pelajar warganegara Malaysia, persendirian atau mempunyai penajaan, yang memasuki Malaysia dari luar negara kali pertama dan hendaklah mengemukakan apa-apa bukti yang sah berkenaan dengan pengajiannya.

Bertarikh pada 30 Jun 2020


(DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 13. BLOK E7, KOMPLEKS E, PRESINT 1
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA
TEL : 03-8883 2527 / 2513 FAKS : 03-8888 6188